

ZOVIRAX® SUSPENSION 200MG/5ML

Acyclovir (200 mg/5 ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZOVIRAX
2. Bagaimana ZOVIRAX berfungsi
3. Sebelum mengambil ZOVIRAX
4. Cara menggunakan ZOVIRAX
5. Semasa menggunakan ZOVIRAX
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZOVIRAX
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ZOVIRAX

Zovirax boleh digunakan untuk:

- merawat cacar air dan kayap
- merawat kudis selsema dan herpes genital
- menghentikan masalah-masalah ini daripada kembali semula
- menghentikan masalah-masalah ini pada orang yang mengalami sistem imun yang lemah, di mana badan mereka kurang mampu untuk melawan jangkitan.

Bagaimana ZOVIRAX berfungsi

Suspensi Zovirax mengandungi ubat yang dipanggil acyclovir. Ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil antiviral. Ia berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan virus.

Sebelum mengambil ZOVIRAX

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan gunakan Zovirax jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada acyclovir atau valaciclovir atau mana-mana bahan-bahan lain.

Jangan mengambil Zovirax jika masalah di atas berkaitan dengan anda. Jika anda tidak pasti, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Zovirax.

- Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Zovirax jika:

- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda berusia lebih daripada 65 tahun.

Jika anda tidak pasti jika perkara di atas berkaitan dengan anda, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Zovirax.

Kehamilan dan menyusukan bayi

Dapatkan nasihat doktor dan ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat-ubatan.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba.

Secara khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan berikut:

- probenecid, digunakan untuk merawat gout

- cimetidine, digunakan untuk merawat ulser perut
- mycophenolate mofetil, digunakan untuk menghentikan badan anda daripada menolak organ-organ dipindahkan.

Cara menggunakan ZOVIRAX

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil Zovirax seperti mana yang doktor anda telah beritahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Mengambil ubat ini

- Ambil ubat ini melalui mulut.
- Gunakan sudu yang disediakan untuk mengukur dengan berhati-hati dos yang diperlukan.
- Mula mengambil Zovirax secepat mungkin.

Dos yang perlu anda ambil akan bergantung kepada tujuan Zovirax diberikan kepada anda. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai perkara ini.

Rawatan cacar air dan kayap

- Dos yang biasa adalah empat sudu 5 ml lima kali sehari.
- Anda perlu menjarakkan setiap dos sebanyak 4 jam.
- Waktu yang dicadangkan adalah: 7 pagi, 11 pagi, 3 petang, 7 malam dan 11 malam.

Anda perlu mengambil Zovirax selama tujuh hari.

Rawatan kudis selsema dan herpes genital

- Dos yang biasa adalah satu sudu 5 ml lima kali sehari.
- Anda perlu menjarakkan setiap dos sebanyak 4 jam.
- Waktu yang dicadangkan adalah: 7 pagi, 11 pagi, 3 petang, 7 malam dan 11 malam.
- Anda perlu mengambil Zovirax selama lima hari, atau lebih lama mengikut arahan doctor.

Kudis selsema dan herpes genital ulangan selepas anda pernah mengalaminya

- Dos yang biasa adalah satu sudu 5 ml empat kali sehari.
- Anda harus cuba untuk menjarakkan setiap dos selama 6 jam.
- Anda perlu mengambil Zovirax sehingga doktor anda mengarahkan anda untuk berhenti.

Supresi kudis selsema dan herpes genital pada orang yang lemah sistem imun dan mereka yang kurang mampu untuk melawan jangkitan

- Dos yang biasa adalah satu sudu 5 ml empat kali sehari.
- Anda harus cuba untuk menjarakkan setiap dos selama 6 jam.
- Anda perlu mengambil Zovirax sehingga doktor anda mengarahkan anda untuk berhenti.

Doktor anda perlu menyelaraskan dos Zovirax jika:

- ia adalah untuk kanak-kanak
- anda berusia lebih daripada 65 tahun
- anda mempunyai masalah buah pinggang. Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, adalah penting untuk anda minum banyak air semasa sedang dirawat dengan Zovirax.

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil Zovirax jika mana-mana di atas berkaitan dengan anda.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Zovirax selama yang doktor anda cadangkan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil Zovirax, ambil sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal itu. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Zovirax biasanya tidak berbahaya, melainkan jika anda mengambil terlalu banyak selama beberapa hari.

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil terlalu banyak

Zovirax. Bawa bersama pek ubat dengan anda.

Semasa menggunakan ZOVIRAX

- Perkara yang perlu dilakukan

Semak dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat anda dan ambil seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah ditetapkan untuk anda. Jangan serahkan kepada orang lain. Ini boleh menjelaskan mereka, walaupun simptom mereka adalah sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Adalah penting bahawa anda minum banyak air semasa mengambil Zovirax.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Zovirax boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapat mereka. Kesan-kesan sampingan yang berikut boleh berlaku dengan ubat ini:

- ruam kulit
- loya
- muntah
- cirit-birit
- sakit perut
- sakit kepala
- rasa pening
- kekeliruan
- halusinasi
- rasa letih
- sawan
- keguguran rambut
- peningkatan enzim hati
- kesan ke atas beberapa ujian darah dan air kencing

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perasan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan ZOVIRAX

- Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
Simpan di bawah 25 ° C.
Jangan gunakan Zovirax selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak itu. Tarikh luput (EXP) merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Zovirax Suspension 200mg/5ml adalah putih, berperisa pisang, suspensi yang diambil secara oral. Dipek di dalam botol amber 125ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
200mg acyclovir dalam setiap 5ml

- Bahan tidak aktif
Methyl parahydroxybenzoate, banana flavour, glycerol, purified water, vanillin, propyl

parahydroxybenzoate, 70% sorbitol solution, dispersible cellulose.

- Nombor MAL

MAL19880350ACZ

Pengilang

Aspen Bad Oldesloe GMBH
Industriestrasse 32 – 36,
23843, Bad Oldesloe,
Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline
Pharmaceutical Sdn. Bhd.
Level 6, Quill 9,
112 Jalan Semangat,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 04/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)251115/00455